



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**07 MAC 2015**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN MOHAMED BERHUBUNG SARANAN TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN BERHUBUNG PENGAUDITAN TERHADAP SYARIKAT 1MDB.**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hanya akan memulakan prosiding syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selepas mendapat Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang melakukan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan pengasingan kuasa yang diamalkan sistem demokrasi raja berpelembagaan di negara ini.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata ia juga bagi memastikan PAC dan Jabatan Audit Negara (JAN) sentiasa bersifat berkecuali, telus dan berkredibiliti seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Nur Jazlan berkata, rakyat dan pemimpin negara perlu memahami bahawa jawatankuasa berkenaan terletak di bawah Parlimen manakala JAN pula di bawah bidang kuasa eksekutif iaitu kerajaan.

"Saya menyambut baik kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin (Timbalan Perdana Menteri) semalam, dan berbangga kerana pemimpin nombor dua negara mempunyai keyakinan penuh dan tinggi terhadap kredibiliti serta ketelusan jawatankuasa ini. PAC akan membawa cadangan serta saranan Tan Sri Muhyiddin dalam mesyuaratnya minggu depan.

"Namun, saya perlu tegaskan bahawa PAC memerlukan asas audit terlebih dahulu sebelum memulakan prosiding terhadap 1MDB dan ia datang daripada pengauditan JAN," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mengambil contoh Laporan PAC berhubung KLIA2 Nur Jazlan berkata, walaupun PAC melaksanakan prosiding lapangan terbang berkenaan sebelum JAN menjalankan pengauditan terhadap infrastruktur awam itu, tetapi ternyata segala cadangan dan syor jawatankuasa berkenaan berkaitan KLIA2 masih belum dilaksanakan kerajaan, kementerian atau agensi kerajaan berkaitan.

Katanya, Laporan PAC berhubung KLIA2 sudah dibentangkan November lalu tetapi hingga ke hari ini, kerajaan masih belum mengarahkan JAN melaksanakan pengauditan berdasarkan syor dan cadangan laporan jawatankuasa ini.

"Sebab itu, kita perlukan asas audit dan JAN perlu diberikan masa melaksanakan pengauditan mengikut aturan audit supaya laporan mereka berkredibiliti, telus, bertanggungjawab dan berkecuali," katanya

Pada masa sama, Nur Jazlan berkata, adalah penting Lembaga Pengawasan Audit (AOB) di bawah Suruhanjaya Sekuriti (SC) dibabitkan dalam melihat semula pengauditan yang dilaksanakan firma audit dilantik 1MDB.

Beliau berkata, AOB boleh menilai dan menentukan sama ada pengauditan yang dijalankan firma audit dilantik 1MDB bermula daripada E&Y, KPMG dan Deloitte benar- benar mematuhi garis panduan dan undang-undang yang ditetapkan serta piawaian antarabangsa.

Katanya, walaupun 1MDB bukan sebuah syarikat senarai awam tetapi AOB boleh memastikan sama ada firma audit yang dilantik mematuhi tatacara dan perlakuan pengauditan serta garis panduan ditetapkan memandangkan firma audit berkenaan turut mengaudit syarikat di Bursa Malaysia.

Katanya, kerjasama daripada semua pihak dalam membantu JAN melaksanakan pengauditan menyeluruh bermula daripada tahun kewangan 2009 hingga sekarang termasuk daripada aspek prestasi operasi dan pelaburan syarikat berkenaan.

"Semua pihak sama ada daripada kerajaan dan pembangkang perlu memberikan yakin dengan JAN dan tidak membuat sebarang andaian sebelum Laporan PAC mengenai 1MDB dibentangkan di Dewan rakyat," katanya